


Prakata



Tahniah! Anda sedang memulakan satu perjalanan yang menakjubkan, yang membawa anda mengalami kekuatan Tuhan dan janji-Nya “kasih dan rahmat-Ku sudah cukup bagimu, kerana kuasa-Ku nyata sekali pada masa kamu lemah.”

Anda menyertai perjalanan ini kerana anda mencintai Malaysia dan Malaysia juga memerlukan Tuhan Yesus. Pada tahun ini, buku doa disusun sedemikian rupa sehingga menyerupai suatu perjalanan. Inilah perjalanan yang memeriksa niat, hati dan kerinduan kita terhadap negara Malaysia. Bagi setiap hari pada setiap minggu, anda dipimpin untuk mendoakan hal-hal tertentu. Setiap minggu anda akan beralih dari tahap Pertaubatan kepada Pembaharuan, lalu Kebangunan Rohani, Pembebasan dan akhirnya Penebusan. Isytiharkanlah Firman

Tuhan dan lakukanlah apa yang didoakan.

Pada tahun ini, kami juga telah menambahkan dua dimensi baru kepada tempoh doa dan puasa 40-hari.

1. Untuk mentaati ilham daripada Yesaya 58 dan Matius 14:13-21, anda didorong untuk melaburkan wang makan yang disimpan ketika berpuasa supaya diberi kepada kebajikan melalui NECF. Inilah cara yang sangat baik untuk menjadi berkat kepada negara! (2 Korintus 15)

Memperkenalkan...

Temujanji Setiap Hari dengan Yesus

Yesus merindukan kita, Pengantin Perempuan-Nya, untuk datang ke sisi-Nya (Kidung Agung 2:10).

Sementara kita mengambil masa ini dan tinggal di dalam Dia,

Kita menghasilkan Buah (Yohanes 15:4)

Kita mendapatkan Jalan keluar dari masalah,

Kita menemukan Kebenaran yang membebaskan kita,

Kita memperoleh Kehidupan daripada apa yang telah mati. (Yohanes 14.6)

KOMITMEN BERDOA SETIAP HARI

Yesus itulah jawapan bagi keperluan Bangsa kita (Yohanes 10:10).

Dialah Penyelesaian bagi pergelutan kita dengan

Penyakit,

Perhubungan,

Perpecahan Gereja dan Politik,

Masalah Kewangan, dsb.

Sewaktu kita berdoa setiap hari,

Semoga Hidup-Nya dan kemurnian, Kuasa,

Belas kasihan dan pengampunan

Dicurahkan atas umat-Nya di setiap peringkat masyarakat kita.

HATI YANG BERSYUKUR SETIAP HARI

Oleh itu...

Bangunlah dengan penuh syukur dan pujian setiap hari. (1 Tesalonika 5:18)

Milikilah sudut pandangan seperti Nabi dan Burung Helang dalam setiap keadaan yang menghancurkan hati.

Biarkan Roh Allah melahirkan doa yang mengalir daripada Kehendak Bapa.

KETAATAN UNTUK BERTINDAK SETIAP HARI

Iman tanpa perbuatan adalah Mati. (Yakobus 2.17, 20)

Bertindaklah untuk mematahkan kemalasan yang melumpuhkan!

Bergeraklah dengan semangat yang berkobar-kobar dan kekreatifan untuk mentaati gerakan Roh Allah

Jadilah Penghubung bagi Kuasa dan Kasih Tuhan kepada orang di sekeliling



Bagaimana menikmati 40 hari ini

ASINGKAN masa yang cukup untuk mencari Tuhan dalam doa dan puasa. Masa yang diperuntukkan mungkin setengah jam atau satu jam. Pada masa yang khusus ini, Sembahlah Tuhan dan **Bacalah Firman-Nya.**

PENYEMBAHAN

Mainkan lagu kegemaran anda dari CD atau kaset. Ikutlah menyanyi bagi Tuhan.

FIRMAN

Bacalah Firman dengan kuat menurut bahagian yang ditetapkan bagi setiap hari di dalam buku panduan ini.

Berdoalah dengan menggunakan Firman Tuhan! Bangkitlah dalam iman, dan dalam kuasa Nama Yesus, berpeganglah pada janji dan kuasa Firman-Nya yang hidup dan cerdas!

Amalkan sikap berdoa sementara anda melakukan tugas harian di rumah, di tempat kerja ataupun di sekolah.

Terapkan apa yang anda pelajari daripada Firman Tuhan kepada tindakan yang kelihatan.

Kurangkan aktiviti biasa anda. Perlakhankan pergerakan anda. Elakkan senaman yang memenatkan seperti berlari.

Selain berpuasa daripada makanan, berpuasalah juga daripada hal-hal yang memesongkan perhatian seperti TV, tayangan, Internet,

permainan komputer, termasuklah kata-kata kosong.

Berbuka puasalah secara perlahan-lahan dan dengan bijaksana. Untuk alasan kesihatan, makanlah sedikit-sedikit sewaktu membuka puasa; berusahalah mengelakkan cili atau makanan berasid.

BAGAIMANA BERPUASA

ANDA bebas berpuasa menurut cara apa sahaja menurut pimpinan Roh Allah kepada anda. Berikut ini adalah beberapa cadangan:

PUASA PENUH

Tidak makan makanan keras selama 24 jam. Minum air sahaja.

PUASA 1-MASAMAKAN

Korbankan satu masa makan setiap hari. Misalnya: Makan Tengah hari atau Makan Petang.

PUASA SEIENGAH

Tidak makan makanan keras pada suatu tempoh tertentu dalam sehari, misalnya, pada waktu matahari terbit sehingga masa matahari terbenam. Minum air sahaja.

PUASA DANIEL

Tidak makan daging dan makanan khusus yang menjadi kegemaran. Hanya makan sedikit sayuran, buah-buahan dan jus.

Bagaimana melibatkan orang lain

PUASA KELUARGA

Bersetujulah untuk berpuasa dan berdoa sebagai keluarga. Ambillah keputusan tentang jenis puasa yang disenangi oleh setiap ahli keluarga anda. Untuk renungan keluarga, bacalah dan doakan Firman yang ditetapkan bagi hari itu.

PUASA KELOMPOK SEL

Berpuasa bersama sebagai satu kelompok lebih mudah daripada berpuasa seorang diri. Dapatkan naskhah buku panduan 40-Hari berdoa ini dari NECF. Pilihlah satu jenis puasa. Jadualkan masa tertentu setiap hari bagi ahli-ahli kelompok untuk merangkaikan doa sewaktu mereka berpuasa. Berkumpul dalam SATU tujuan, amalkanlah 2 hal ini: Penyembahan dan Firman.

Dambakan kebangunan rohani secara peribadi dan kebangsaan.

Berserulah memohon lawatan Tuhan dalam kelompok sel dan masyarakat anda!

PUASA PEJABAT

Bawalah beberapa orang rakan sekerja yang sesama Kristian untuk berpuasa bersama dengan anda. Misalnya, menggunakan masa rehat minum atau rehat makan tengah hari di pejabat untuk berpuasa dan berdoa bersama bagi bahan-bahan doa yang ditetapkan bagi hari itu.

PUASA TIGA SEKAWAN

Dengan persetujuan dan berkat daripada Pastor/ketua Kelompok anda, bawalah para surirumah di kawasan perumahan anda untuk menjadi kumpulan Tiga Sekawan dalam doa dan puasa. Tetapkanlah untuk bertemu sekali seminggu selama sekurang-kurangnya satu jam untuk berdoa berpandukan Buku 40-Hari Doa dan Puasa.



Puasa

Jangkauan pengaruh / pintu pemberkatan

	PERIBADI	KELUARGA/RUMAH	GEREJA
	21 Julai, Ahad	22 Julai, Isnin	23 Julai, Selasa
Minggu 1: Pertaubatan PUASA SUCI; PERHIMPUNAN SUCI <i>Yoel 1:13-14</i>	Yos 5:3 Perubahan hati	Mal 4:6 Mengalihkan hati bapa kepada anak mereka	Why 2-3 Telinga yang mendengar
	28 Julai, Ahad	29 Julai, Isnin	30 Julai, Selasa
Minggu 2: Pembaharuan GANDUM, WAIN BARU & MINYAK BARU <i>Yoel 2:18-19</i>	Ibr 4 Menikmati rehat-Nya	Kej 12:3 Nilai keluarga menurut alkitab	1 Sam 1:1-18 Urapan Hana
	4 Ogos, Ahad	5 Ogos, Isnin	6 Ogos, Selasa
Minggu 3: Pemulihan TAHUN-TAHUN YANG HILANG DIGANTI <i>Yoel 2:25-26</i>	Maz 89:15-18 Peningkatan kerohanian	Mat 22:37-40 Mazbah keluarga	2 Sam 6:11-15 Mengembalikan tabut perjanjian Allah
	11 Ogos, Ahad	12 Ogos, Isnin	13 Ogos, Selasa
Minggu 4: Kebangunan Rohani PENCURAHAN ROH ALLAH <i>Yoel 2:28-29</i>	Yes 61:1-2 Diurapi untuk melayani	Kis 16:31 Kamu dan seisi rumahmu akan diselamatkan	Yoh 17:21-23 Gembalakanlah masyarakat anda
	18 Ogos, Ahad	19 Ogos, Isnin	20 Ogos, Selasa
Minggu 5: Pembebasan YANG LEMAH KATAKAN, 'Aku kuat!' <i>Yoel 3:9-11</i>	I Kor 12 Kerja Roh Allah	Yos 24:15 Kami akan melayani Tuhan	Rut 1:16-18 Kesatuan dengan orang lain
	25 Ogos, Ahad	26 Ogos, Isnin	27 Ogos, Selasa
Minggu 6: Penebusan BERIBU ORANG DI LEMBAH PENGHAKIMAN! <i>Yoel 3:13-14</i>	Flp 3:3-11 Kerendahan hati dan kesucian	2 Sam 6:12 Berkat Obed-Edom	Why 19:7-8 Pengantin perempuan yang mulia di tempat niaga

kerajaan

TEMPAT NIAGA / MEDIA	PENDIDIKAN / KANAK-KANAK / BELIA	NEGARA / KERAJAAN	MASYARAKAT / KAUM
24 Julai, Rabu <i>Ibr 12:25-29</i> Goncangkan asas	25 Julai, Khamis <i>1 Sam 2:22-26</i> Siapakah yang membentuk generasi muda kita?	26 Julai, Jumaat <i>2 Kor 6-7</i> Arus perubahan	27 Julai, Sabtu <i>2 Taw 7:14</i> Luka/dosa negara
31 Julai, Rabu <i>Kel 2:23-25</i> Kesungguhan dan erangan	1 Ogos, Khamis <i>Flp 1:20-21</i> Merendahkan diri	2 Ogos, Jumaat <i>2 Raj 18:3-8</i> Semangat Hizkia	3 Ogos, Sabtu <i>Mat 9:37-38</i> Kerinduan terhadap mereka yang sesat
7 Ogos, Rabu <i>Amos 9:11-15</i> Tali unting Allah	8 Ogos, Khamis <i>Yer 1:7-10</i> Belia radikal	9 Ogos, Jumaat <i>Yes 45</i> Perlantikan Kores	10 Ogos, Sabtu <i>Rm 12:14-16</i> Menjambatani jurang di dalam masyarakat
14 Ogos, Rabu <i>Ul 28:13</i> Pemimpin dan bukan pengikut	15 Ogos, Khamis <i>Luk 2:52</i> Golongan muda yg beriman dan menyenangkan hati Tuhan	16 Ogos, Jumaat <i>Mat 28:18-20</i> Kekuasaan daripada Tuhan	17 Ogos, Sabtu <i>Mrk 4:29</i> Hayunkan sabit
21 Ogos, Rabu <i>Kis 17:10-15</i> Perubahan di tempat niaga	22 Ogos, Khamis <i>Ul 4:32-34</i> Api rohani di seluruh negara	23 Ogos, Jumaat <i>Yes 9:6-7</i> Pemerintahan yang adil	24 Ogos, Sabtu <i>Kej 28:10-19</i> Perubahan masyarakat
28 Ogos, Rabu <i>Mat 6:9-13</i> Kerajaan-Mu datanglah	29 Ogos, Khamis <i>Bil 14:5-9</i> Generasi Yosua	30 Ogos, Jumaat <i>Yes 58</i> Terangi Bangsa Kita 2002	31 Ogos, Sabtu <i>Mrk 6:30-44</i> Hari Kebangsaan —Hari Masyarakat

MINGGU 1: PERTAUBATAN

Peribadi 21 Julai, Ahad

FIRMAN: YOSUA 5:3-9

Perubahan hati

Hati dan jiwa manusia menentukan segalanya. Ia paling licik antara segala yang lain (Yeremia 17:9). Perubahan yang sebenar harus berlaku dari dalam.

BERTAUBAT DARIPADA:

Tiada kesungguhan dalam menjalankan tanggungjawab kepada Tuhan atau sekadar menuruti kehendak gereja tanpa kerinduan yang berkobar-kobar

Mempamerkan ciri salah tetapi hati jauh daripada Tuhan

Ketiadaan doa dalam kehidupan sehari-hari, dan tiada keinginan untuk Tuhan

Hati yang dicemari oleh pengejaran akan keduniaan

DOAKAN:

Tuhan menyelidiki hati kita dan melakukan pembedahan yang dalam serta kekal

Penyunutan hati kita yang menyatakan bukti pertaubatan (Luk 3:8)

Pembebasan daripada cara pemikiran dunia

Telinga yang mendengar, mata yang

Puasa Rohani;

Perkumpulan Suci



melihat, hati yang merasa seperti Yesus, dan keinginan untuk taat

ISYIHARKAN:

“TUHAN sentiasa mengawasi seluruh bumi ini dan memberikan kekuatan kepada mereka yang setia kepada-Nya.” (2 Taw. 16:9)

ULAKUKAN:

Asingkan 30 minit hari ini untuk bersama dengan Tuhan secara peribadi, dan intim dengan Dia apabila anda memulakan puasa 40 hari ini. Sembahlah Dia dan bercakaplah dengan-Nya.

Bertekadlah untuk berpuasa dan laburlah wang makanan anda ke tabung Kempen Kebajikan

Kebangsaan yang bermula hari ini.

RENUNGAN

Keluarga /rumah

22 Julai, Isnin

FIRMAN: MALEAKHI 4:6

Mengalihkan hati bapa kepada anak mereka

Tuhan telah mentahbiskan bapa-bapa menjadi ketua rohani bagi keluarga. Sekian lama, peranan itu diabaikan dan anak-anak merasakan kekosongan itu.

BERTAUBAT DARIPADA:

Mengutamakan pencarian nafkah lebih daripada mendirikan keluarga yang salih

Mencintai kerjaya lebih daripada anak-anak

Menyerahkan kepimpinan rohani kepada isteri

DOAKAN:

Untuk perdamaian antara hati bapa anak-anak dan sebaliknya

Menentang roh kepahitan, kebencian dan keretakan perhubungan

Supaya bapa-bapa bangun menjadi ketua kerohanian dan menjadi pengajar Alkitab di dalam keluarganya

Supaya kaum lelaki memenuhi janji mereka – benar, jujur, boleh dipercayai dan setia

13 *Hai imam-imam yang bertugas di mazbah, Pakailah kain guni dan menangislah. Masuklah ke dalam Rumah TUHAN dan merataplah semalam suntuk. Tiada lagi gandum dan wain untuk dipersembahkan kepada Allah kamu.*

14 *Berikanlah perintah untuk berpuasa; Adakan satu perhimpunan. Suruhlah para pemimpin dan semua penduduk Yehuda Datang ke Rumah TUHAN, Allah kamu. Dan berseri-mohon pertolongan-Nya.*

YOEL 1.13-14

ISYTIHARKAN:

“Bau anakku seharum padang yang sudah diberkati TUHAN. Semoga TUHAN mengurniai engkau embun dari langit dan menjadikan ladang-ladangmu subur. Semoga Dia mengurniai engkau gandum dan wain yang berlimpah-limpah. Semoga bangsa-bangsa menjadi hambamu dan suku-suku takluk kepadamu. Semoga engkau menguasai semua saudara maramu, dan semoga keturunan ibumu sujud di hadapanmu. Terkutuklah semua orang yang mengutuk engkau, dan diberkatilah semua orang yang memberkati engkau.” (Kej. 27:27-29)

ULAKUKAN:

Bapa-bapa, kumpulkan ahli keluarga dan nyatakan betapa anda mengasihi setiap mereka.

RENUNGAN

MINGGU 1: PERTAUBATAN

Gereja 23 Julai, Selasa

FIRMAN: WAHYU 2-3

Telinga yang mendengar

Tuhan sangat memperhatikan Jemaah-Nya, Tubuh-Nya, Pengantin-Nya. Dia mempunyai rancangan unggul yang tidak boleh dilaksanakan sehingga gereja-Nya mendengar. “Dia yang mempunyai telinga, biarlah dia mendengar apa yang ingin disampaikan oleh Roh Allah kepada Jemaah.”

BERTAUBAT DARIPADA:

Ketidaksabaranserta ketidakupayaankita untuk mendengar

Meninggalkankasihkita yang mulamula (jemaah Efesus)

Takutakan penyeksaan dan penganiayaan (jemaah Smirna)

Penyembahan berhala dan percabulan (jemaah Pergamus)

Bertolak ansur dengan roh Izebel, ilmu gelap (jemaah Tiatira)

Ketidaksungguhan; roh dunia (jemaah Laodekia)

Puasa Rohani;

Perkumpulan Suci

DOAKAN:

Supaya ada kuasa pemenang untuk gereja-gereja kita

Kesatuan dalam hal mendengar

Kesatuan Roh

ISYIHARKAN:

Allah menaklukkan semuanya ke bawah kekuasaan Kristus, dan memberikan Kristus kepada jemaah sebagai penguasa segala sesuatu.

Jemaah itu tubuh Kristus, dan kesempurnaan Kristus, dan Kristus menyempurnakan segala sesuatu di mana-mana sahaja (Ef. 1:22-23)

ULAKUKAN:

Hubungi Pastor/pemimpin gereja dan nyatakan kepadanya/mereka akan kasih serta rasa tanggungjawab anda terhadap Gereja. Nyatakan secara tepat rasa tanggungjawab anda terhadap Tubuh Kristus—andalah yang paling tahu.

RENUNGAN

Tempat niaga

Julai, Rabu
24

FIRMAN: IBRANI 12:25-29

Mengguncangkan asas

Dalam tahun 1997, asas ekonomi negara-negara membangun di Asia telah diguncang, dan ada banyak yang runtuh. Didapati bahawa asas tempat niaga adalah ketamakan, pergelutan kuasa, rasuah, kepentingan diri sendiri dan manipulasi.

BERTAUBAT DARIPADA:

Perangkap keghairahan mengejar kekayaan dan status

Mementingkan kemegahan negara dan ketamakan di tempat niaga

Mengabaikan tangisan mereka yang miskin dan tertindas

Memperalat dan menganiaya pekerja asing

DOAKAN:

Untuk pembinaan asas keadilan yang kukuh

Supaya standard Alkitab diterapkan dalam sistem perundangan

Pembebasan sejati daripada ketamakan, rasuah dan prasangka

13 *Hai imam-imam yang bertugas di mazbah, Pakailah kain guni dan menangislah. Masuklah ke dalam Rumah TUHAN dan merataplah semalam suntuk. Tiada lagi gandum dan wain untuk dipersembahkan kepada Allah kamu.*

14 *Berikanlah perintah untuk berpuasa; Adakan satu perhimpunan Suruhlah para pemimpin dan semua penduduk Yehuda Datang ke Rumah TUHAN, Allah kamu Dan berseru mohon pertolongan-Nya.*

YOEL 1.13-14

ISYIHKARAKAN:

“Oleh itu, hendaklah kita bersyukur, kerana kita menerima suatu kerajaan yang tidak dapat diguncangkan. Hendaklah kita bersyukur dan menyembah Allah dengan hormat dan takut, menurut cara yang diperkenankan oleh-Nya, kerana Allah kita seperti api yang memusnahkan.” (Ibrani 12:28-29)

ULAKUKAN:

Selidikilah asas serta sikap anda terhadap kekayaan dan perolehan kebendaan. Bagaimanakah asas anda? Berdoalah atau berbincang dengan seseorang untuk memeteraikan apa yang ditunjukkan Tuhan kepada anda.

RENUNGAN

MINGGU 1: PERTAUBATAN

25 Julai, Khamis Pendidikan /kanak-kanak/belia

FIRMAN: 1S AMUEL 2:22-26

Puasa Rohani;

Perkumpulan Suci

Siapakah yang membentuk generasi muda kita?

Pintu masuk pendidikan dalam reruntuhan, namun kita tidak berbuat apa-apa seolah-olah tiada lagi yang boleh dilakukan. Guru-guru anak kita adalah internet, TV, muzik sekular, dan sistem yang tidak mengenal Tuhan. Suatu kekosongan sedang membesar ketika guru-guru Kristian meninggalkan kerjaya ini. Tidakkah kita patut bersuara?

BERTAUBAT DARIPADA:

Membenarkan media, dan bukan Tuhan, untuk membentuk anak-anak kita

Kurang masa bersama-sama Tuhan dan keluarga tetapi banyak masa dengan hiburan

Ibumpa yang berdiam diri – tiada visi, suara atau penglibatan diri dalam pembentukan institusi pendidikan

Panduan kerjaya untuk belia yang berdasarkan pendapat semata-mata, dan bukan panggilan Tuhan

DOAKAN:

Supaya ibubapa, belia dan guru-guru Kristian mempunyai visi untuk menguasai dan membentuk pintu masuk pendidikan dan media

Supaya kanak-kanak dan belia kita memiliki visi serta kekuatan roh yang dimiliki oleh Samuel, Daud dan Daniel

Supaya polisi pendidikan menitikberatkan pemahaman serta integrasi di kalangan pelajar di sekolah-sekolah

ISYIHARKAN:

“Aku sendiri akan mengajar pendudukmu, dan memberi mereka kemakmuran dan kedamaian.”
(Yesaya 54:13)

ULAKUKAN:

Ibumpa, buatlah keputusan untuk bergiat di dalam PIBG sekolah.

Kirimkan satu kad terima kasih kepada guru besar/pengetua yang anda kenali.

Belanjakan seorang guru hari ini!

RENUNGAN

Negara / kerajaan

26 Julai, Jumaat

FIRMAN: 2 TAWARIKH 6-7

Arus Perubahan

Berita terkini mengenai pelampau militan dan pelampau agama mengancam kita. Perpecahan di dalam parti-parti politik telah membawa kebimbangan dan keresahan. Pilihan raya umum yang akan datang adalah pada tahun 2004. Jemaah perlu berdoa untuk pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh Tuhan.

BERTAUBAT DARIPADA:

Percakapan yang tidak berfaedah mengenai Kerajaan serta pihak berkuasa
Sikap yang kurang mencintai Malaysia
Menyebarluaskan khabar angin
Kurang komitmen untuk melaksanakan kehendak Tuhan bagi semua orang diselamatkan dan mengenal kebenaran

DOAKAN:

Supaya Jemaah menjadi alat Tuhan untuk membawa perubahan
Jemaah mengikut arus perubahan dan membuat penyesuaian menurut pimpinan Roh Allah

13 *Hai imam-imam yang bertugas di mazbah, Pakailah kain guni dan menangislah. Masuklah ke dalam Rumah TUHAN dan merataplah semalam suntuk. Tiada lagi gandum dan wain untuk dipersembahkan kepada Allah kamu.*

14 *Berikanlah perintah untuk berpuasa; Adakan satu perhimpunan Suruhlah para pemimpin dan semua penduduk Yehuda Datang ke Rumah TUHAN, Allah kamu Dan berseru mohon pertolongan-Nya.*

YOEL 1.13-14

Pintu-pintu dibuka supaya Berita Baik boleh menjangkau semua orang

ISYIHARKAN:

“Tetapi apabila Engkau memberikan nafas, semuanya hidup; Engkau memberikan kehidupan baru kepada bumi.” (Mazmur 104:30-31)

ULAKUKAN:

Ambillah keputusan hari ini.

Berhentilah mengkritik pihak berkuasa, sebaliknya jadilah penyokong utama mereka dalam usaha mereka memperbaiki keadaan. Jadilah penyelesaian, bukan masalah. Apabila anda melihat suatu kebocoran paip air, jangan merungut, baikilah paip itu, atau hubungi JBA untuk membaikinya secepat mungkin.

RENUNGAN

MINGGU 1: PERTAUBATAN

27 Julai, Sabtu
Kemasyarakatan
/ kaum

FIRMAN: 2 TAWARIKH 7:14

Luka/Dosa negara

Negara kita belum lagi menyaksikan satu kebangunan kerohanian yang besar. Kurang kesungguhan moral. Peningkatan kadar jenayah, sumbang mahram, keganasan, rompakan dan perceraian. Kita harus bangun dan benar-benar berdoa untuk pemulihian negara kita.

BERTAUBAT DARIPADA:

Penyembahan berhala

Percabulan

Pencurahan darah akibat pengguguran bayi dan perjanjian dengan roh-roh

Ketidakadilan yang belum diselesaikan/sosial, terutama terhadap Orang Asli tempatan

DOAKAN:

Jemaah rela menanggung kesakitan negara untuk mendapatkan penyembuhannya

Kesedaran akan dosa dan keperluan akan Penyelamat

ISYIHKARKAN:

“Namun Aku akan menjadikan kamu

Puasa Rohani;

Perkumpulan Suci

13 *Hai imam-imam yang bertugas di mazbah, Pakailah kain guni dan menangislah. Masuklah ke dalam Rumah TUHAN dan merataplah semalam suntuk. Tiada lagi gandum dan wain untuk dipersembahkan kepada Allah kamu.*

14 *Berikanlah perintah untuk berpuasa; Adakan satu perhimpunan Suruhlah para pemimpin dan semua penduduk Yehuda Datang ke Rumah TUHAN, Allah kamu Dan berseru mohon pertolongan-Nya.*


YOEL 1.13-14

sihat kembali, dan luka-luka kamu akan Kuubati.” (Yeremia 30:17)

ULAKUKAN:

Tunjukkan kemurahan hati kepada seseorang yang anda temui hari ini – mungkin seorang peminta sedekah atau seorang rakan.

RENUNGAN



MINGGU 2: PEMBAHARUAN

Peribadi 28 Julai, Ahad

FIRMAN: IBRANI 4

Menikmati Rehat-Nya

Ketika Kristus memasuki hidup kita,
Dia memberi kita damai dan rehat –
untuk selamanya. Bagaimanapun,
ramai yang telah kehilangannya
semasa dalam pengejaran kehidupan
seharian sama ada dalam pelayanan,
pengasuhan anak, pekerjaan atau
pelajaran. Kita perlu dibaharui dalam
apa yang telah disempurnakan Kristus
bagi kita. Dia telah berkata di atas
kayu salib 2000 tahun yang lalu,
“Sudah SELESAI.”

DOAKAN:

Orang Kristian mengerti kuasanya
pelayanan yang menikmati rehat
Tuhan

Pembaharuan fikiran, hati dan sudut
pandangan terhadap kesemua kerja
kita

Hidup dan berjalan dengan Roh Allah
supaya kita tidak memenuhi
kehendak tabiat manusia

ISYIHHARKAN:

“Oleh sebab janji untuk masuk ke dalam
rehat-Nya itu masih berkuatkuasa,

Gandum, Wain Baru

& Minyak Baru



saya tidak seharusnya gagal mendapatkan rehat itu. Oleh sebab saya percaya kepada Berita Baik dan Kristus, maka saya akan menikmati rehat yang dijanjikan .” (Ibrani 4:1,3)

ULAKUKAN:

Apabila kita belajar untuk berehat,
Tuhan akan melakukan yang lain.
Pasangkan lagu penyembahan dan
mula luahkan segala kerisauan serta
ketakutan anda kepada-Nya.

Mohonlah kepada-Nya rehat yang
dapat mengatasi keadaan anda.

RENUNGAN

Keluarga rumah

29 Julai, Isnin

FIRMAN: KEJADIAN 12:3

Nilai Keluarga Menurut Alkitab

Firman Tuhan menuntut agar kita mengasihi ibu bapa, isteri-suami, abang/kakak/adik dan anak-anak tanpa syarat – tidak kira mereka memenuhi harapan kita atau tidak.

DOAKAN:

Suami sebagai ketua keluarga akan lebih menunjukkan kasih melalui perbuatan terhadap isteri dan anak-anak mereka.

Isteri lebih tunduk kepada suami dalam kasih dan sukacita.

Keluarga kita menyukai apa yang disukai Tuhan dan membenci apa yang dibenci Tuhan

Kebijaksanaan menilai diberikan kepada ibubapa untuk menangani dengan berkesan segala punca pengaruh negatif di dalam keluarga

ISYIHKARAN:

“Aku akan memberi engkau keturunan yang banyak dan mereka akan menjadi satu bangsa yang besar. Aku akan memberkati engkau dan menjadikan namamu termasyhur,

18 Kemudian TUHAN menunjukkan bahawa Dia mengambil berat tentang tanah-Nya; Dia mengasihani umat-Nya.

19 Diamenjawab mereka, “Sekarang Aku hendak memberi kamu gandum, wain, dan minyak zaitun, lalu kamu akan dikenyangkan. Bangsa-bangsa lain tidak akan menghina kamu lagi.”

YOEL 2.18-19



sehingga engkau menjadi berkat bagi bangsa-bangsa. Aku akan memberkati orang yang memberkati engkau, dan mengutuk orang yang mengutuk engkau. Melalui engkau, Aku akan memberkati semua bangsa di bumi.” (Kejadian 12:2-3)

ULAKUKAN:

Berilah satu pelukan penghargaan yang istimewa kepada ahli keluarga anda hari ini. Tuliskan sepucuk nota bagi mereka untuk menyatakan perhargaan yang sungguh dari hati anda.

RENUNGAN

MINGGU 2: PEMBAHARUAN

Gereja

30 Julai, Selasa

FIRMAN: 1 SAMUEL 1:1-18

Urapan Hana

Sebelum Tuhan boleh mula bekerja,
kita perlu pasrah dan tidak bergantung
kepada diri sendiri. ‘Rahim’
sesetengah orang Kristian – malahan
keseluruhan jemaat dan denominasi
gereja sekarang – mandul dalam
penginjilan dan misi. Janganlah kita
mencari alasan. Marilah kita berseru
kepada Tuhan untuk membuka ‘rahim’
kita yang mandul, dan melahirkan
‘Samuel-Samuel’ yang akan
memberkati negara.

Berdoalah dan Akuilah sikap kita yang
secara rohani tidak berminat, acuh
tak acuh dan berasa tidak perlu apa-
apa

Mohonlah dengan sangat kepada Tuhan
untuk membuka ‘rahim’ setiap
jemaat dan denominasi gereja.
Dedahkan punca kemandulan.

Mintalah kepenuhan Roh Tuhan dan
keperluan suci yang mendesak
untuk masuk ke dalam gereja-gereja
di 14 buah negeri

Mohonlah agar maksud Tuhan berlaku
melalui gereja-gereja di Malaysia

Gandum, Wain Baru

& Minyak Baru

dengan tanda-tanda dan keajaiban.
Gereja-gereja bangkit untuk
mengasihi seluruh bangsa, tidak kira
suku kaum ataupun kepercayaan
mereka.

ISYIHKARAN:

“Hai Yerusalem, dahulu kamu seperti
wanita mandul, tetapi sekarang
bernyanyilah dan bersorak-sorailah
dengan gembira. Sekarang kamu
akan mendapat lebih banyak anak
daripada wanita yang tidak pernah
ditinggalkan suami!” (Yesaya 54:1)

ULAKUKAN:

Jumpailah seseorang daripada bangsa
lain pada hari ini dan katakan betapa
banyaknya berkat kita kerana boleh
hidup dengan aman dan rukun.

RENUNGAN

Tempat niaga /media

FIRMAN: KELUARAN 2:23-25

Kesungguhan dan Erangan

Setelah melalui penindasan selama 400 tahun di Mesir, tenaga yang tinggal hanya cukup untuk mengerang. Keadaannya nampak suram –diperhambakan oleh satu sistem yang memaksa mereka membuat bata di bawah terik matahari setiap hari untuk memenuhi satu rancangan kebangsaan: menjadikan Mesir agung. Walau bagaimanapun, Tuhan mendengar erangan itu. Tiada pidato yang lancar. Tiada kata-kata bijak. Tiada formula yang teruji. Cuma erangan. Hati Tuhan digerakkan, dan Dia berkata, “Lepaskan umat-Ku”

DOAKAN:

Bagi para pekerja masa kini agar dilepaskan daripada ketagihan-kerja yang menghancurkan kehidupan dan memusnahkan keluarga

Pembaharuan serta perubahan sistem pekerjaan yang “memperhamba” dan mengancam pekerja. Berserulah kepada Yesus untuk bertindak bagi pihak kita.

Keadilan bagi buruh kasar dan pekerja

18 Kemudian TUHAN menunjukkan bahawa Dia mengambil berat tentang tanah-Nya; Dia mengasihani umat-Nya.

19 Diamenjawab mereka, “Sekarang Aku hendak memberi kamu gandum, wain, dan minyak zaitun, lalu kamu akan dikenangkan. Bangsa-bangsa lain tidak akan menghina kamu lagi.

YOEL 2.18-19

asing yang berkemahiran rendah, bergaji rendah dan tiada kemudahan sampingan.

Untuk pekerja profesional muda supaya berkobar-kobar dengan semangat Kerajaan syurgawi dan bukannya mengejar atau mengutamakan kepentingan perkara duniaawi.

Hati yang pemurah, sabar dan mengampuni wujud di tempat kerja.

ISYIHARKAN:

“Allah mendengar seruan orang Israel, lalu Dia ingat akan perjanjian yang dibuat-Nya dengan Abraham, Ishak dan Yakub. Allah melihat orang Israel diperhamba dan Dia mengambil berat tentang keadaan mereka.” (Keluaran 2:24-25)

ULAKUKAN:

Tuliskan sepucuk kad terima kasih atau penghargaan kepada bos, rakan sekerja atau orang bawahan anda dengan menyatakan sesuatu yang telah disumbangkan mereka kepada kehidupan anda.

Bimbing seorang pekerja muda untuk membuat pilihan menurut kehendak Tuhan dalam kehidupannya.

RENUNGAN

MINGGU 2: PEMBAHARUAN

1 Ogos, Khamis Pendidikan kanak-kanak belia

FIRMAN: FILIPI 1:20-21

Merendahkan diri

Masyarakat moden telah sekian lama menghasilkan satu generasi belia yang membanggakan diri: pentingkan diri, tiada arah atau tujuan hidup. Maksud itu seharusnya ada di dalam hati dan minda semua anak dan belia kita.

DOAKAN:

Penyerahan diri: Tolak semua keselamatan dunia yang telah menghalang anak-anak serta belia kita daripada mengikuti Yesus sepenuhnya. Minta Tuhan memeriksa hati dan tunjukkan apa yang ‘kurang’ di dalam komitmen kita kepada-Nya.

Ketaatan: Minta Tuhan melahirkan satu generasi pemimpin dan orang percaya yang tidak mementingkan diri, yang akan memberikan janji setia kepada-Nya dalam pengabdian yang bersungguh-sungguh serta mendengar, taat dan melakukan kehendak-Nya.

Kesungguhan: Berdoa agar generasi belia yang tidak pentingkan diri

Gandum, Wain Baru
& Minyak Baru

bersungguh-sungguh untuk mengikuti-Nya. Menjadikan Amanah-Nya keutamaan tertinggi dan memenuhi rencana-Nya hingga akhir.

Diutus: Berseru untuk pengutusan kaum belia yang rela berkorban dan masuk ke ladang tuaian, baik ke ladang tempatan maupun luar negara. Generasi perintis yang tidak mementingkan diri untuk menjangkau 500 lagi suku kaum yang belum dijangkau.

ISYIHARKAN:

“Bagiku, hidup itu mengabdi kepada Kristus, dan kematian lebih berfaedah.” (Filipi 1:21)

ULAKUKAN:

Hubungi seorang belia hari ini dan nyatakan minat anda terhadap rancangan masa depannya.

Berikan bantuan dan sokongan sepenuhnya. Dorong belia kita untuk Tuhan. Jangan kritik mereka!

RENUNGAN

Kerajaan negara

2 Ogos, Jumaat

FIRMAN : 2 RAJA - RAJA 18:3-8

Semangat Hizkia

Kita perlu melihat hari-hari pembaharuan seperti masanya Raja Hizkia memerintah. Kita perlukan orang di dalam pentadbiran negara yang berani mengambil keputusan yang sukar untuk membuka pintu negara supaya ada kebebasan menyembah Tuhan di dalam roh dan kebenaran di serata tempat. Untuk keadilan, kebenaran, kesucian, ketulusan dan belas kasihan yang tidak boleh digugat serta membawa pembersihan dan pembaharuan kepada negara.

DOAKAN:

Supaya ahli politik Kristian berani bersuara dan ada kesatuan di kalangan mereka.

Sokongan terhadap orang Kristian dalam Kerajaan serta kawasan pentadbiran mereka. Agar ada keberanian dan kebijaksanaan dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka.

Sokongan daripada gereja-gereja bagi mereka.

18 Kemudian TUHAN menunjukkan bahawa Dia mengambil berat tentang tanah-Nya; Dia mengasihi umat-Nya.

19 Di antara mereka, "Sekarang Aku hendak memberi kamu gandum, wain, dan minyak zaitun, lalu kamu akan dikenangkan. Bangsa-bangsa lain tidak akan menghina kamu lagi."

YOEL 2.18-19

Berdoa bagi kebebasan untuk memilih agama.

ISYIHKARAN:

"Ahli-ahli politik kita akan mempunyai roh seperti Hizkia yang taat setia kepada Tuhan, dan tidak berhenti mengikut-Nya; mereka akan mematuhi perintah Tuhan. Oleh itu, Tuhan akan menyertai mereka dan mereka berjaya dalam segala usaha mereka." (2 Raja-Raja 18:6-7)

ULAKUKAN:

Utuskan sepucuk surat penghargaan dan dorongan kepada seorang ahli politik Kristian yang anda kenal. Mintalah bahan doanya secara khusus.

Dirikan perisai doa di sekelilingnya.

Belilah senashah buku berjudul *Freedom of Religion* (Kebebasan Beragama) dari pejabat NECF.

RENUNGAN

MINGGU 2: PEMBAHARUAN

3 Ogos, Sabtu Masyarakat / kaum

FIRMAN: MATIUS 9:37-38

Kerinduan terhadap mereka yang sesat

9.1% daripada 23.27 juta penduduk Malaysia beragama Kristian. Semasa kita berdoa pada hari ini, rasakanlah bahawa Tuhan ingin melepaskan satu kebangkitan penginjilan yang baru. Pembaptis api Roh Allah akan menyemarakkan semula kerinduan kita untuk menjangkau jiwa-jiwa yang terhilang. Jika kita tidak mempunyai keinginan yang berkobar-kobar, maka penginjilan akan menjadi pekerjaan semata-mata, dan pasti kita akan kehilangan semangat.

DOAKAN:

Allah menggantikan hati kita yang keras menjadi hati yang taat kepada perintah-Nya.

Mata kita diperbaharui seperti mata burung helang yang tajam untuk melihat orang yang sudah mulai mengalami pekerjaan Tuhan.

Telinga kita peka mendengar perbualan kawan-kawan dan rakan sekerja yang sebenarnya mengandungi seruan meminta tolong di sebalik tawa mereka.

Hati kita berasa pedih apabila melihat rakan-rakan kita tersesat dan tiada pengharapan.

*Gandum, Wain Baru
& Minyak Baru*

- 18 Kemudian TUHAN menunjukkan bahawa Dia mengambil berat tentang tanah-Nya; Dia mengasihani umat-Nya.
- 19 Diamenjawab mereka, "Sekarang Aku hendak memberi kamu gandum, wain, dan minyak zaitun, lalu kamu akan dikenangkan. Bangsa-bangsa lain tidak akan menghina kamu lagi.

YOEL 2.18-19

ISYTIHARKAN:

"Roh Tuhan ada pada kita, Dia telah melantik kita supaya menghabarkan Berita Baik kepada orang miskin. Dia mengutus kita supaya mengumumkan pembebasan kepada orang tawanan, kesembuhan bagi orang buta; dan kemerdekaan bagi orang yang tertindas, serta mengisyiharkan masanya Tuhan menyelamatkan umat-Nya." (Lukas 4:18-19)

ULAKUKAN:

Kongsikan kesaksian tentang apa yang telah dilakukan Tuhan bagi anda - kesembuhan, firman ataupun keselamatan. Anda akan terkejut kerana orang akan tertarik dengan perkongsian anda.

Katakan, "Yesus mengasihimu," kepada seseorang.

RENUNGAN



MINGGU 3: PEMULIHAN

Peribadi 4 Ogos, Ahad

FIRMAN: MAZMUR 89:15-18

Peningkatan Kerohanian

Tuhan hendak meningkatkan kerohanian anda pada tahun ini! Inilah yang dirasakan oleh para pendoa syafaat bagi 2002 - tahun peningkatan kerohanian dalam iman dan wibawa supaya Tuhan dapat memakai anda untuk melakukan pemulihan-Nya yang perkasa. Bersedialah untuk mengongsikan kurnia dan bakat anda untuk Malaysia supaya negara ini diberkati. Seorang daripada kita dapat memberikan kesan kepada seribu orang jika kita membiarkan Tuhan melakukan kehendak-Nya!

DOAKAN:

Berdoalah supaya mula-mula, Tuhan akan memulihkan anda untuk merebut segala yang telah hilang pada masa lampau atau ketika baru-baru ini.

Tuhan memakai anda sekarang untuk melakukan pemulihan dalam hidup orang di sekitar anda.

Perubahan dalam tindakan dan percakapan anda supaya Dia dapat

Tahun-Tahun yang

Hilang Diganti

mempercayakan anda dengan kemuliaan-Nya.

Untuk kesucian tangan dan hati untuk melakukan kehendak-Nya yang sempurna.

ISYIHKARKAN:

"Sucikanlah diri kamu kerana ESOK Tuhan akan melakukan mukjizat di tengah-tengah kamu." (Yosua 3:5)

ULAKUKAN:

Selalu berikan senyuman dan berjabat tangan atau berikan pelukan. Lakukan itu kepada semua yang anda temui hari ini. Ambil keputusan untuk tidak bermasam muka!

RENUNGAN

Keluarga rumah

5 Ogos, Isnin

FIRMAN: MATIUS 22:37-40

Mazbah keluarga

Abraham, Ishak dan Yakub telah mendirikan mazbah bagi Allah di mana-mana Tuhan memberi mereka tempat berteduh dan berehat. Di tempat kediaman masa moden sekarang, banyak mazbah sudah rosak dan memerlukan pemulihan.

DOAKAN:

Kesibukan tidak dijadikan alasan untuk mengabaikan masa untuk mengadakan ibadah keluarga.

Rancangan yang kreatif dan idea yang menarik untuk dilakukan semasa ibadah keluarga.

Ibu bapa turut mengajar anak-anak untuk bertumbuh dalam Firman Tuhan, bukan hanya meletakkan tanggungjawab itu kepada guru-guru Sekolah Minggu atau pastor.

ISYIHARKAN:

“Keluarga kita mengasihi Tuhan Allah kita dengan sepenuh hati, dengan segenap jiwa dan dengan seluruh akal dan kekuatan, juga mengasihi jiran-jiran sama seperti mengasihi diri sendiri.” (Matius 22:37-40).

25 *Aku akan mengganti segala kerugian kamu pada tahun-tahun ketika belalang makan hasil tanaman kamu. Akulah yang menyuruh kawanan belalang itu menyusahkan kamu.*

26 *Tetapi sekarang kamu akan mempunyai cukup makanan sehingga kenyang. Kamu akan memuji Tuhan, Allah kamu, Dia telah melakukan perbuatan ajaib bagi kamu. Umat-Ku tidak sekali-kali akan dihina lagi.*

YOEL 2:25-26



ULAKUKAN:

Dapatkan satu panduan pembacaan Alkitab. Asingkan masa 15-20 minit setiap hari untuk membaca Alkitab bersama-sama keluarga. Untuk membuat pembacaan Alkitab lebih menarik, pembacaan boleh dilakukan berganti-ganti untuk setiap anak. Minta anak anda berdoa, kerana iman akan dibina selepas pembacaan Alkitab.

RENUNGAN

MINGGU 3: PEMULIHAN

Gereja

6 Ogos, Selasa

FIRMAN: 2 SAMUEL 6:11-15

Mengembalikan Tabut Perjanjian Allah

Menyeberang Sungai Yordan lebih merupakan ibadah daripada peperangan. Pelayanan imam menjadi pusat segala-galanya. Setiap mata tertuju kepada Tabut Perjanjian yang menandakan hadirat Allah di tengah-tengah mereka. Sebenarnya, Israel memperoleh kemenangan yang hebat bukan dengan senjata tetapi dengan ibadah; bukan dengan konfrontasi tetapi dengan pengabdian; bukan dengan strategi tetapi dengan penyerahan kepada Tuhan. Ibadah akan membolehkan kita untuk menyeberangi Sungai Yordan untuk sampai ke Tanah Perjanjian kita.

DOAKAN:

Kebangkitan penyembahan yang tulus dan spontan di dalam kehidupan harian kita.

Pemulihan disiplin rohani – ketekunan terhadap Firman, Ibadah, Kesaksian dan Perbuatan Baik.

Tahun-Tahun yang

Hilang Diganti



Hadirat-Nya yang indah dapat dirasakan di dalam ibadah gabungan kita.

Pemimpin-pemimpin gereja akan lebih bersandar kepada Tuhan daripada hanya bergantung pada teknik-teknik pengurusan.

ISYIHKARAN:

“Alangkah seramnya tempat ini! Tentulah ini rumah Allah, pintu gerbang syurga.” (Kejadian 28:17)

ULAKUKAN:

Naikkan doa perlindungan untuk para pastor, pemimpin dan ahli keluarga mereka.

RENUNGAN

Tempat niaga /media

7 Ogos, Rabu

FIRMAN: AMOS 9:11-15

Tali Unting Tuhan

Apabila kita memegang tali unting Tuhan bagi keadilan dan kebenaran Allah di tempat niaga, kita sering kali mendapati bahawa ada banyak keperluan.

DOAKAN:

Pembaikan dan pemulihan terhadap salahfaham terhadapkekayaan di tempat niaga.

Kekayaan adalah tentang perhubungan, ibadah, kesejahteraan, ketulusan dan kejujuran.

Kesedaran rohani dan kerinduan akan Tuhan di tempat niaga.

Hati dan fikiran dibukakan untuk penuaan jiwa-jiwa di tempat niaga.

Orang Kristian akan membawa ‘gereja’ ke tempat kerja mereka melalui doa, ibadah, dan pelayanan.


ISYIHKARKAN:

“Mereka hidup bersaudara, makan bersama-sama, dan berdoa bersama-sama. Banyak mukjizat dan keajaiban dilakukan oleh rasul-rasul itu, sehingga semua orang kagum

25 Aku akan mengganti segala kerugian kamu pada tahun-tahun ketika belalang makan hasil tanaman kamu. Akulah yang menyuruh kawanan belalang itu menyusahkan kamu.

26 Tetapi sekarang kamu akan mempunyai cukup makanan sehingga kenyang. Kamu akan memuji Tuhan, Allah kamu, Dia telah melakukan perbuatan ajaib bagi kamu. Umat-Ku tidak sekali-kali akan dihina lagi.

YOEL 2:25-26



dan takut. Semua pengikut Kristus berkumpul dengan penuh keakraban, dan mereka berkongsi milik.” (Kisah Rasul-Rasul 2:42-44)

ULAKUKAN:

Adakan persekutuan dan doa bersama dengan rakan-rakan sekerja Kristian anda. ”Apabila kita berdoa, Allah bekerja!”

RENUNGAN

MINGGU 3: PEMULIHAN

Pendidikan /kanak-kanak belia

8 Ogos, Khamis

FIRMAN: YEREMIA 1:7-10

Tahun-Tahun yang
Hilang Diganti

Belia Radikal

Kaum belia hari ini akan menentukan keadaan masyarakat kita pada masa akan datang. Apa yang akan berlaku esok merupakan tanggungjawab kita pada hari ini. Semua ahli politik yang berjaya, ahli falsafah dan para pengubah dunia tahu tentang kuasa membentuk hati dan minda orang muda, dan mereka menggunakanannya. Tetapi sejak dahulu, Tuhan sudah mengetahui hal itu - membentuk pengubah-dunia-Nya seperti Samuel, Daud, Daniel, Yeremia dan Yesaya.

DOAKAN:

Para pemimpin dan pastor berwawasan yang akan menjadi contoh, mengajar dan mengubah cara pemikiran kaum belia kita.

Pemulihan kaum belia sehingga kembali ke arah destini mereka, agar mereka menerima penglihatan yang merupakan nubuat tentang kehendak Tuhan dan destini generasi ini di Malaysia.

Kaum belia radikal yang dapat mengenal dan menolak segala rancangan Iblis dalam budaya “berasa baik” - kebendaan, homoseksual, bahan-bahan lucu dan ketagihan.

Berdoa untuk persekutuan-persekutuan Kristian, gerakan pelajar untuk menghasilkan ramai pengubah dunia terutamanya untuk penjangkuan.

ISYTIHARKAN:

“Hai Israel, Aku ingat betapa setianya engkau pada masa engkau masih muda, dan betapa besarnya cintamu kepada-Ku ketika engkau menjadi pengantin. Engkau mengikut Aku melalui gurun, melintasi tanah yang belum ditanami. Hai Israel, engkau milik-Ku sendiri, engkau milik-Ku yang khas.” (Yeremia 2:2-3)

ULAKUKAN:

Laburkan sedikit wang ke dalam tabung belia. Kejutkan mereka dengan kasih anda.

RENUNGAN

Kerajaan⁹ /bangsa Ogos, Jumaat

FIRMAN: YESAYA 45

Perlantikan Kores

Kores merupakan seorang raja yang dilahirkan sesuai dengan nubuat tentang destini membawa umat Tuhan kembali dari pembuangan. Tuhan menggunakan dia untuk membuka pintu-pintu. Tuhan berfirman, "Aku sendiri akan menyediakan jalan bagimu, Aku akan meratakan gunung serta bukit. Aku akan merobohkan pintu gerbang gangsa, dan mematahkan palang-palang besi. Aku akan memberi engkau kekayaan dari tempat-tempat yang gelap dan tersembunyi; barulah engkau tahu bahawa Akulah TUHAN, dan ... memanggil engkau dengan namamu."

DOAKAN:

Malaysia mempunyai pemimpin seperti Kores di semua peringkat - Raja, Sultan, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Kabinet, para Ketua Menteri, para Menteri Besar, kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa yang lain.

Pemulihan standard Allah dalam pemerintahan negara ini.

25 *Aku akan mengganti segala kerugian kamu pada tahun-tahun ketika belalang makan hasil tanaman kamu. Akulah yang menyuruh kawanan belalang itu menyusahkan kamu.*

26 *Tetapi sekarang kamu akan mempunyai cukup makanan sehingga kenyang. Kamu akan memuji Tuhan, Allah kamu, Dia telah melakukan perbuatan ajaib bagi kamu. Umat-Ku tidak sekali-kali akan dihina lagi.*

YOEL 2:25-26

Usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan, kualiti hidup, kebebasan beragama dan keadilan sosial.

ISYIHKARAN:

"Ya Tuhan, curahkanlah urapan Kores ke atas para pemimpin di dalam negara kami. Biarlah segala keputusan mereka menyebabkan kehendak Allah dilaksanakan di Malaysia."

ULAKUKAN:

Tulis sepucuk surat penghargaan kepada MP, Majlis Perbandaran, Polis, Tentera dan Bomba di tempat anda. Akuilah jasa dan ketekunan mereka dan buatlah komitmen untuk berdoa secara tetap untuk mereka. Tanyalah mereka bagaimana anda dapat memberikan sokongan kepada mereka.

RENUNGAN

MINGGU 3: PEMULIHAN

10 Ogos, Sabtu Masyarakat / kaum

FIRMAN: ROMA 12:14-16

Menjambatani jurang di dalam masyarakat

Secara rohani, perhubungan di dalam masyarakat bagaikan retakan yang semakin membesar di dataran gurun yang kersang. Iblis telah meniupkan angin kesangsian, pertengkaran serta kebencian sehingga mewujudkan jurang di dalam masyarakat dan jurang ini semakin dalam. Sebaliknya, gereja mempunyai pelayanan perdamaian. Kita boleh melumpuhkan iblis dengan kasih, perhatian serta kemurahan hati dan memulihkan jambatan di dalam masyarakat melalui perdamaian.

DOAKAN:

Kesatuan yang pertama-tama bermula di kalangan gereja di setiap masyarakat untuk menyatakan perintah Kristus dalam Yohanes 17.

Gereja bertindak balas dengan penuh kasih ketika berhadapan dengan isu-isu dan masalah – mengasihi, dan bukannya membenci musuh.

Jambatan akan dibina oleh gereja-gereja berlandaskan kasih, kepercayaan dan ketulusan di dalam setiap masyarakat.

ISYIHKARAKAN:

“Daun daripada pokok sumber kehidupan digunakan untuk

Tahun-Tahun yang Hilang Diganti

- 25 Aku akan mengganti segala kerugian kamu pada tahun-tahun ketika belalang makan hasil tanaman kamu. Akulah yang menyuruh kawanan belalang itu menyusahkan kamu.
- 26 Tetapi sekarang kamu akan mempunyai cukup makanan sehingga kenyang. Kamu akan memuji Tuhan, Allah kamu, Dia telah melakukan perbuatan ajaib bagi kamu. Umat-Ku tidak sekali-kali akan dihina lagi.

YOEL 2:25-26

menyembuhkan bangsa-bangsa. Di dalam kota itu tidak terdapat sesuatupun yang kena kutuk Allah. Takhta Allah dan Anak Domba akan ada di dalam kota itu dan hamba-hamba-Nya akan menyembah Dia. Mereka akan melihat wajah-Nya, dan nama-Nya akan ditulis pada dahi mereka.” (Wahyu 22:2-4)

ULAKUKAN:

Pergilah ke kedai-kedai makan dalam masyarakat anda yang mana terdapat banyak orang daripada suku lain. Makanlah di sana, dan binalah jambatan melalui perbualan. Kemungkinan besar anda akan belajar sesuatu yang baru.

RENUNGAN



MINGGU 4: KEBANGUNAN ROHANI

Peribadi 11 Ogos, Ahad

FIRMAN: YESAYA 61:1-2

Pencurahan

Roh Allah

Diurapi untuk melayani

Janji Tuhan di dalam Yoel 2 telah ditepati di dalam Kitab Kisah Rasul-Rasul. Kita sekarang hidup di dalam “hari” Pentakosta apabila kuasa Roh Allah dicurahkan.

DOAKAN:

Agar hatimu dibakar oleh api kebangunan rohani setiap hari.

Bagi ketaatan kepada Roh Allah, dan agar gerakan-Nya tidak dipadamkan.

Ketaatan dan keberanian untuk melakukan apa sahaja menurut pimpinan Roh Allah bagi kemuliaaan Allah.

ISYIHARKAN:

“Kuasa TUHAN Raja ada padaku, Dia telah memilih aku dan mengutus aku untuk menghabarkan berita baik kepada orang miskin.” (Yesaya 61:1)

ULAKUKAN:

Sertailah kumpulan yang melawat hospital atau melawat orang miskin, orang sakit atau orang yang berkeperluan. Letakkan diri anda pada tempat di mana Roh Tuhan



dapat menunjukkan kuasa dan kasih-Nya melalui anda.

RENUNGAN

Keluarga /rumah

FIRMAN : KISAH RASUL-RASUL 16:31

Kamu dan seisi rumahmu akan diselamatkan

Kebangunan rohani di dalam hati kita akan mengalir kepada seisi rumah kita.

DOAKAN:

Keterbukaan untuk mengongsikan Injil dengan ahli-ahli keluarga.

Segala perkara (sama ada sakit-penyakit atau masalah kewangan) dapat dijadikan kesempatan untuk menunjukkan kuasa Allah ke arah penyelamatan.

Kuasa Roh Allah untuk mengabulkan pertaubatan yang sungguh di dalam hati ahli-ahli keluarga yang belum menyambut penyelamatan daripada Tuhan.



28 Kemudian Aku akan mencurahkan Roh-Ku kepada semua orang: anak lelaki dan anak perempuan kamu akan mengisyiharkan perkhabaran-Ku; Orang tua kamu akan bermimpi, dan orang muda kamu akan nampak penglihatan.

29 Pada masa itu Aku akan mencurahkan roh-Ku bahkan kepada hamba-hamba, baik lelaki maupun perempuan.

YOEL 2:28-29



ISYTIHARKAN:

“Percayalah kepada Tuhan Yesus, lalu kamu akan diselamatkan - kamu dan keluargamu!” (Kisah Rasul-Rasul 16:31)

ULAKUKAN:

Di hadapan Tuhan, sebutlah nama ahli-ahli keluarga anda yang belum lagi mengenal Tuhan.

Telefonlah mereka pada hari ini dan berdoalah untuk memberkati mereka.

RENUNGAN

MINGGU 4: KEBANGUNAN ROHANI

Gereja

13 Ogos, Selasa

FIRMAN: YOHANES 17:21-23

Gembalakanlah Masyarakat Anda

Allah sudah memanggil jemaah untuk menggembalakan seluruh kota, bukan hanya jemaah gereja sendiri. Akuilah sikap acuh tak acuh terhadap hal-hal yang berlaku di luar dinding gereja.

DOAKAN:

Berkatilah gereja-gereja yang ada di sekitar anda serta aktiviti-aktiviti mereka

Kesempatan bergabung dengan gereja-gereja setempat di dalam doa untuk kebangunan rohani.

Kelompok sel doa ditubuhkan sebagai rumah api doa di setiap taman perumahan di seluruh Malaysia.

Strategi yang sepadu untuk mengubah seluruh kota melalui doa dan penjangkauan masyarakat.

Menentang segala tipu muslihat iblis



Pencurahan

Roh Allah

seperti pertengangan, perselisihan faham, pengkhianatan dan sebagainya.

ISYIHKARKAN:

“Aku berdoa bukan untuk mereka sahaja, tetapi juga untuk semua orang yang percaya kepada-Ku melalui perkhabaran mereka. Ya Bapa, Aku berdoa supaya mereka semua menjadi satu, sebagaimana Engkau bersatu dengan-Ku, dan Aku dengan-Mu. Semoga mereka menjadi satu dengan Kita supaya dunia percaya bahawa Engkau mengutus Aku.” (Yohanes 17:20-21)

ULAKUKAN:

Teruslah melabur dengan menyimpan wang makan anda untuk didermakan kepada Kempen Kebajikan Kebangsaan.

REFLECTION

Tempat niaga /media

14 Ogos, Rabu

FIRMAN: ULANGAN 28:13

Pemimpin dan Bukan Pengikut

Tuhan sering kali memberkati tempat kerja kerana kita, orang Kristian.

DOAKAN:

Setiap orang Kristian di tempat kerja akan memperhatikan pengaruh dan kesaksianya.

Orang Kristian di tempat kerja tidak mempermalukan Kristus sebaliknya memperlihatkan bahawa Kristus itulah sumber segala kebijaksanaan dan pertolongan mereka.

Mata orang di tempat niaga dibukakan untuk melihat berkat-berkat yang dibawa oleh orang Kristian.

Berkat Tuhan untuk umat-Nya di tempat-tempat kerja.

ISYIHKARAKAN:

“TUHAN akan menurunkan hujan pada musimnya dari tempat-tempat penyimpanan hujan di langit; Dia akan memberkati segala usaha kamu supaya kamu dapat memberi banyak pinjaman kepada banyak bangsa, tetapi kamu sendiri tidak usah meminjam apa-apa daripada sesiapapun. Tuhan, Allah kamu akan

28 Kemudian Aku akan mencurahkan Roh-Ku kepada semua orang: anak lelaki dan anak perempuan kamu akan mengisyiharkan perkhabaran-Ku; Orang tua kamu akan bermimpi, dan orang muda kamu akan nampak penglihatan.

29 Pada masa itu Aku akan mencurahkan roh-Ku bahkan kepada hamba-hamba, baik lelaki maupun perempuan.

YOEL 2:28-29



menjadikan kamu pemimpin antara bangsa-bangsa dan bukan pengikut.” (Ulangan 28:12-13)

ULAKUKAN:

Renungkan Yohanes 10 –Jika anda adalah Anak, bukan pekerja, apakah perbezaan yang anda hendak lakukan di tempat kerja?

RENUNGAN

MINGGU 4: KEBANGUNAN ROHANI

15 Ogos, Khamis
**Pendidikan
 kanak-kanak
 bella**

Pencurahan

Roh Allah

FIRMAN: LUKAS 2:52

Golongan muda yang beriman dan menyenangkan hati Tuhan

**Yesus bertambah besar dan bijaksana,
 dan Dia menyenangkan hati Allah
 mahupun manusia. Kita merindukan
 hal yang sama untuk anak-anak muda
 kita.**

DOAKAN:

Kebangunan rohani akan terjadi di kalangan kanak-kanak pra-sekolah, di kolej-kolej dan universiti-universiti di seluruh negara.

Anak-anak kita tidak ‘dicuri’ atau ‘ditipu’ oleh musuh kita sebaliknya diajar dan dilatih oleh Guru yang terbaik - Roh Allah.

Anak-anak kita menjadi alat Tuhan untuk kebangunan rohani.

Pertolongan untuk rumah-rumah anak yatim dan kanak-kanak.

ISYIHARKAN:

“Anak-anak kita menjadi seperti Yesus yang bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati Allah



mahupun manusia.” (Lukas 2:52)

ULAKUKAN:

Ambil keputusan pada hari ini untuk berdoa bagi anak/anak-anak anda, anak-anak buah anda, anak-anak sekolah minggu atau anak-anak jiran anda setiap malam dengan berdasarkan firman Tuhan yang terdapat dalam Lukas 2:52. Berdoa supaya Roh Allah menjadi Guru mereka siang dan malam.

RENUNGAN

Kerajaan /bangsa

16 Ogos, Jumaat

FIRMAN: MATIUS 28:18-20

Kekuasaan daripada Tuhan

Kitab Roma memberitahu kita bahawa tidak ada kekuasaan lain melainkan kuasa yang sudah diberikan oleh Allah. Kerajaan kita sekarang ini diberi kuasa oleh Allah untuk memerintah negara.

DOAKAN:

Kesihatan yang baik, kebijaksanaan dan perlindungan untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita.

Kerajaan sekarang ini akan dipakai Tuhan untuk mempersiapkan Jalan bagi Tuhan untuk kebangunan rohani di dalam negara.

Setiap pemimpin kerajaan yang dipilih menjadi takut akan Allah dan mereka hanya melakukan apa yang baik untuk negara, bukan untuk kepentingan mereka sendiri.

ISYIHARKAN:

“Tuan tidak usah datang ke rumah saya. Saya tidak layak menyambut Tuan ke rumah saya. Perintahkanlah sahaja, tentu hamba

28 Kemudian Aku akan mencurahkan Roh-Ku kepada semua orang: anak lelaki dan anak perempuan kamu akan mengisyiharkan perkhabaran-Ku; Orang tua kamu akan bermimpi, dan orang muda kamu akan nampak penglihatan.

29 Pada masa itu Aku akan mencurahkan roh-Ku bahkan kepada hamba-hamba, baik lelaki maupun perempuan.

YOEL 2:28-29

saya akan sembah. Sayapun dibawah perintah perwira atasan, dan dibawah saya juga ada askar-askar lain. Apabila saya menyuruh seorang askar, ‘Pergil’ diapun pergi; apabila saya menyuruh askar lain, ‘Ke mari! diapun datang. Apabila saya menyuruh hamba saya, ‘Buatlah ini! diapun melakukannya.” (Matius 8:8-9)

ULAKUKAN:

Adakah anda kenal semua ahli Kabinet? Jika anda tidak tahu, sila layari laman web kerajaan di www.smpke.jpm.my/government untuk mendapatkan maklumat. Berdoa untuk kekuasaan daripada Tuhan bagi setiap mereka untuk melakukan kehendak Tuhan di Malaysia.

RENUNGAN

MINGGU 4: KEBANGUNAN ROHANI

17 Ogos, Sabtu Masyarakat / kaum

FIRMAN: MARKUS 4:29

Hayunkan sabit

**Ladang sudah menguning untuk dituai.
Para penuai sangat diperlukan dengan
segera. Semoga Tuhan memberi kita
kerinduan untuk menjangkau jiwa-jiwa
di mana sahaja kita berada.**

DOAKAN:

Berdoa supaya Allah menolong kita semua untuk mengongsikan iman kita.

Penyataan kasih dan pemberian perhatian yang kreatif dan berkesan yang akan menjangkau dan menyentuh kehidupan dengan cara yang luarbiasa.

Kebangunan rohani terjadi di dalam setiap kaum masyarakat di Malaysia - Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

"Gabungan penuai" bangkit dari gereja-gereja dan gabungan gereja yang bersatu untuk menjangkau jiwa-jiwa yang menuju maut.

ISYTIHARKAN:

"Ya Tuhan, Engkau telah memberi mereka kesukaan besar, Engkau membahagiakan mereka. Mereka

Pencurahan

Roh Allah

- 28 Kemudian Aku akan mencurahkan Roh-Ku kepada semua orang: anak lelaki dan anak perempuan kamu akan mengisyiharkan perkhabaran-Ku; Orang tua kamu akan bermimpi, dan orang muda kamu akan nampak penglihatan.
- 29 Pada masa itu Aku akan mencurahkan roh-Ku bahkan kepada hamba-hamba, Baik lelaki maupun perempuan.

YOEL 2:28-29

bersukacita kerana perbuatan-Mu, seperti orang bersukacita semasa menuai hasil tanaman, atau membahagi-bahagikan barang jarahan." (Yesaya 9:2)

ULAKUKAN:

Aambil satu kaum masyarakat yang belum dijangkau. Layarilah laman web www.AD2000.org untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sertailah pelayanan misi - keluarlah daripada zon selesa anda dan alamilah Tuhan di negara lain.

RENUNGAN



MINGGU 5: PEMBEBASAN

Peribadi 18 Ogos, Ahad

FIRMAN: I KORINTUS 12

Yang lemah katakan,

'Aku kuat!'

Kerja Roh Allah

Hari pembebasan bagi semua anggota

Tubuh Kristus untuk berfungsi sepenuhnya adalah di sini. Yesus memberi segala yang kamu perlukan sebelum Dia datang kembali di dalam kemuliaan-Nya. Walau bagaimanapun, kamu mungkin sahaja berpatah balik kerana perasaan takut, keadaan yang tidak menentu, kurang galakan atau wujudnya ancaman.

DOAKAN:

Pertaubatan terhadap ketakutan dan keraguan yang menghalang pencurahan kurnia Tuhan di dalam hidupmu untuk memberkati orang lain.

Peluang yang terbuka untuk anda mempraktikkan segala kurnia yang diberikan Tuhan.

Tuhan membawa seorang penasihat yang menyokong anda untuk menggunakan kurnia itu dengan lebih berkesan.

Mata rohanimu terbuka untuk melihat campurtangan Roh Allah di dalam hidupmu.

ISYIHARKAN:

"Ada berbagai-bagai kurnia daripada Roh Allah, tetapi semuanya diberi oleh Roh yang sama. Begitu juga ada berbagai-bagai cara untuk mengabdikan diri kepada Tuhan, tetapi kita mengabdi kepada Tuhan yang sama. Ada berbagai-bagai cara untuk melakukan kerja bagi Tuhan, tetapi Allah yang sama memberi kebolehan kepada setiap orang untuk melakukan kerja masing-masing. Tetapi semuanya dilakukan oleh Roh yang sama juga. Dia memberi setiap orang kurnia yang berlainan menurut kehendak-Nya sendiri. (Saya juga termasuk.)"

(1 Korintus 12 : 4-6, 11)

ULAKUKAN:

Praktikkan kurnia yang ada padamu untuk memberkati seseorang minggu ini.

RENUNGAN

Keluarga /rumah

FIRMAN: YOSUA 24:15

Kami akan melayani Tuhan

Apabila Tuhan membentuk keluarga,
Dia tidak merancang agar ahli-ahli di
dalam satu keluarga berjalan dan
melakukan kerja mereka dengan
sendiri-sendiri. Allah sangat
menginginkan agar seluruh keluarga
bersama-sama melayani Dia - bapa, ibu
dan anak-anak, serta adik-beradik.

DOAKAN:

Setiap ahli keluarga dilanda oleh api
kesungguhan dan kerinduan untuk
melayani bersama.

Tuhan membuka hati kita untuk melihat
pelayanan di luar kalangan keluarga.

Rumah kita menjadi tempat
perlindungan dan yang
berkekurangan bagi mereka yang
memerlukan dalam kawasan dan
masyarakat kita.

ISYIHKARAN:

“Bangkitlah, dan bersinarlah, hai
Yerusalem, kerana cahaya
penyelamatamu sudah datang;
Tuhan menyinari engkau dengan
kemuliaan-Nya.

10 Leburlah mata bajak untuk dijadikan
pedang, dan juga sabit untuk dijadikan
tombak. Hendaklah orang yang lemah
turut berkata : Aku pahlawan.

11 Marilah segera, hai bangsa-bangsa di
sekitar, berkumpullah di lembah. 'Ya
Tuhan, kirimlah tentera-Mu untuk
menyerang mereka.'

YOEL 3:9-11



Lihatlah hal yang sedang berlaku di
sekelilingmu. Rakyatmu berkumpul
untuk pulang kepadamu. Anak
lelakimu pulang dari negeri jauh,
dan anak perempuanmu di dukung.
Engkau akan melihat hal itu lalu
wajahmu akan berseri-seri, engkau
akan terharu dan berbesar hati.”
(Yesaya 60:1,4,5)

ULAKUKAN:

Jemputlah satu keluarga (tidak kira
keluarga Kristian atau bukan Kristian)
untuk makan bersama dengan
keluarga anda sambil bersekutu dan
bercerita dengan mereka.

RENUNGAN

MINGGU 5: PEMBEASAN

Gereja

20 Ogos, Selasa

FIRMAN: RUT 1:16-18

Kesatuan dengan Orang lain

Tuhan Yesus Kristus memanggil jemaah-Nya untuk bersatu. Dia akan datang untuk menjemput SATU pengantin perempuan yang mulia. Gereja-gereja akan cenderung untuk saling berhubung apabila berada dalam kesatuan untuk melaksanakan sesuatu tujuan atau misi tertentu. Selepas semuanya berlalu, kita berundur di belakang tembok kita masing-masing. Kesatuan seperti ini juga mempunyai implikasi - masalahmu adalah masalahku juga, gerejamu adalah gerejaku juga, anggota gerejamu adalah anggotaku juga dan Tuhanmu adalah Tuhanku juga.

DOAKAN:

Pelancaran 5-segi pelayanan seperti yang tercatat di dalam Efesus 4, supaya Tubuh Kristus di Malaysia dibina sepenuhnya sehingga kita mencapai kesatuan yang sempurna.

Doa perlindungan untuk semua pastor gereja - supaya mereka dipenuhi kebijaksanaan dan

Yang lemah katakan,

'Aku kuat!'



keterbukaan seperti yang terdapat di dalam Mazmur 133.

ISYIHARKAN:

"Ke mana saja mak pergi, saya kan ikut bersama. Di mana saja mak tinggal, di situ juga saya hendak tinggal. Bangsa mak, bangsa saya juga, dan Allah yang disembah mak, akan saya sembah juga." (Rut 1 : 16)

ULAKUKAN:

Berusaha dengan lebih lagi pada minggu ini untuk menjalinkan hubungan dengan orang Kristian di sekitar kawasan kediaman atau tempat kerja anda.

RENUNGAN

Tempat niaga / media

21 Ogos, Rabu

FIRMAN : KISAH RASUL-RASUL 17 : 10-15

Perubahan di Tempat Niaga

Apabila lawatan Tuhan berlaku di tempat niaga, orang akan bersukacita apabila mereka mengalami kestabilan dalam ekonomi, sosial dan politik. Bahkan tanah yang gersang pun menjadi subur. Negara-negara yang musnah akibat perperangan telah mengalami perubahan apabila ada tangisan dan penyesalan yang sungguh-sungguh - pembebasan daripada cara pemikiran yang lama, penyerahan hati dan kerinduan terhadap campurtangan Tuhan.

DOAKAN:

Para pemimpin korporat yang baik bangkit untuk melakukan perubahan di dalam setiap proses urusniaga.

Segala kelengkapan di tempat niaga diubah menjadi satu kelengkapan yang memenuhi keperluan awam, adil dan memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan.

Cara pemikiran lama yang hanya melihat kepada kepentingan terhadap keperluan utama

10 Leburlah mata bajak untuk dijadikan pedang, dan juga sabit untuk dijadikan tombak. Hendaklah orang yang lemah turut berkata : Aku pahlawan.

11 Marilah segera, hai bangsa-bangsa di sekitar, berkumpullah di lembah. 'Ya Tuhan, kirimlah tentera-Mu untuk menyerang mereka.'

YOEL 3:9-11

sahaja disingkirkan - berdoa untuk cara pemikiran yang baru.

ISYIHARKAN:

"Seperti masa Paulus, biarlah para peniaga-peniaga terkenal, lelaki dan wanita, menerima Berita Baik dengan semangat, dan menjadi pengantara untuk membawa nilai-nilai berdasarkan Alkitab ke tengah-tengah tempat niaga." (Kisah Rasul 17:11-12)

ULAKUKAN:

Rancanglah untuk menghadiri Konferensi Kebangsaan "God@Work" untuk perubahan kota-kota.

Pulau Pinang : 23-24 Ogos

Ipoh : 25-26 Ogos

KL : 28-29 Ogos

Penceramah: Rich Marshall & Keith Edwards

RENUNGAN

MINGGU 5: PEMBEASAN

22 Ogos, Khamis Pendidikan /kanak-kanak belia

FIRMAN: ULANGAN 4:32-34

Api Rohani di Seluruh Negara

Golongan kanak-kanak dan belia kita dapat dilepaskan seperti anak panah di dalam tangan Tuhan. Biarlah semuanya berlaku selaras dengan iman dan kepercayaan kita kepada Tuhan.

DOAKAN:

Perubahan dalam sistem pendidikan di dalam negara kita untuk melahirkan belia yang bakal mengubah bangsa kita.

Berdoa untuk ibu bapa supaya terbuka dan sedia untuk membenarkan anak-anak mereka menjurus ke arah bidang karier masing-masing sesuai dengan panggilan Tuhan.

Api dan kesungguhan terhadap rancangan sejagat Allah bagi anak-anak muda.

Anak-anak muda kita tidak memberontak, sebaliknya menjadi pembawa perubahan bagi memenuhi rancangan Tuhan.

Yang lemah katakan,
'Aku kuat!'

ISYIHARKAN:

"Anak-anak lelaki yang diperoleh seorang bapa pada waktu mudanya, adalah seperti anak panah di tangan seorang askar. Berbahagialah orang yang mempunyai banyak anak panah yang demikian. Dia tidak akan sekali-kali dikalahkan ketika menghadapi musuh di tempat pengadilan." (Mazmur 127:4-5)

ULAKUKAN:

Dekatilah dan sokonglah anak-anak muda dan para pemimpin muda di dalam pelayanan mereka.

Berkatilah sekolah-sekolah Alkitab seperti BCM, MBS, STM, MTBI, BTS, Tung Ling, School of Acts, YWAM... dan yang lain-lain.

RENUNGAN

Kerajaan /bangsa

23 Ogos, Jumaat

FIRMAN: YESAYA 9:6,7

Pemerintahan yang Adil

Kebenaran mengangkat martabat negara. Keadilan dan kejujuran akan menjadi tunggak pentadbiran kerajaan kita.

DOAKAN:

Allah memimpin segala rancangan kerajaan sesuai dengan kehendak-Nya (Amsal 21:1)

Para ahli politik Kristian untuk bekerjasama dengan para pemimpin gereja untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Puji Tuhan atas semua perkara baik yang sedang berlaku dalam kerajaan kita.

ISYIHKARAN:

“Dia akan disebut Penasihat Bijaksana, Allah Perkasa, Bapa Kekal, Raja Damai. Kekuasaan-Nya akan terus bertambah; pemerintahan-Nya akan sentiasa aman. Dia akan memerintah sebagai ganti Raja Daud, pemerintahan-Nya akan berdasarkan hukum dan keadilan dari sekarang hingga akhir zaman. Tuhan Yang Maha Kuasa pasti melakukan segala perkara ini.” (Yesaya 9:5-6)

10 *Leburlah mata bajak untuk dijadikan pedang, dan juga sabit untuk dijadikan tombak. Hendaklah orang yang lemah turut berkata : Aku pahlawan.*

11 *Marilah segera, hai bangsa-bangsa di sekitar, berkumpullah di lembah. 'Ya Tuhan, kirimlah tentera-Mu untuk menyerang mereka.*

YOEL 3:9-11



ULAKUKAN:

Lakukan doa bergerak mengelilingi Putrajaya ataupun bangunan kerajaan di tempat anda.

RENUNGAN

MINGGU 5: PEMBEASAN

24 Ogos, Sabtu Masyarakat / kaum

FIRMAN: KEJADIAN 28:10-19

Perubahan Masyarakat

Bagaimana tempat-tempat tertentu mengalami perubahan? Pertama, ada penyataan hadirat Tuhan di tempat itu; kedua, ada penyataan tujuan Allah di tempat itu; ketiga, ada tindak balas daripada orang yang rindu terhadap perubahan itu.

Apabila Yakub, anak lelaki yang dijanjikan itu tiba, Tuhan hadir dan mengubah serta menjadikan tempat itu mengagumkan - pintu gerbang syurga untuk semua manusia di bumi!

DOAKAN:

Penyataan hadirat Allah akan memenuhi hati setiap orang di dalam komuniti kita.

Bagi orang Kristian berada di tengah-tengah masyarakat untuk melakukan kebijakan di dalam Nama Yesus.

Orang yang dibelenggu oleh dosa dan ikatan dilepaskan daripada genggaman syaitan.

Orang dibebaskan untuk menyambut kasih Tuhan.

Yang lemah katakan,
'Aku kuat!'

- 10 *Leburlah mata bajak untuk dijadikan pedang, dan juga sabit untuk dijadikan tombak. Hendaklah orang yang lemah turut berkata : Aku pahlawan.*
- 11 *Marilah segera, hai bangsa-bangsa di sekitar, berkumpullah di lembah. Ya Tuhan, kirimlah tentera-Mu untuk menyerang mereka.*

YOEL 3:9-11

ISYIHARKAN:

"Tuhan ada di sini, di tempat ini tetapi baru sekarang aku mengetahuinya! Alangkah seramnya tempat ini! Tentulah ini rumah Allah, pintu gerbang syurga." (Kejadian 28:16-17)

ULAKUKAN:

Jelajahlah kawasan masyarakat anda pada hari ini dengan pandangan yang berbeza daripada sebelum ini. Carilah peluang di dalam masyarakat anda dan mulailah percaya bahawa Tuhan hadir di sana!

RENUNGAN



MINGGU 6: PENEBUSAN

Peribadi 25 Ogos, Ahad

FIRMAN: FILIPI 3:3-11

Ribuan Orang di

Lembah Penghakiman!

Kerendahan hati dan Kesucian

"Jika inginkan kebangunan rohani yang berterusan, umat Allah hendaklah sentiasa merendahkan hati dan suci di hadapan-Nya; harus tekun berdoa; sentiasa rindu mencari Tuhan; dan hidup mereka menyatakan pertaubatan, dan meninggalkan perbuatan yang jahat. Dalam beberapa hal, persyaratan untuk mendapatkan kebangunan rohani juga menjadi persyaratan untuk meneruskan kebangunan rohani."

DOAKAN:

Agar kerendahan hati dan kesucian akan meningkat dalam hidup anda.

Anda akan memberi Dia segala kemuliaan bagi apa yang telah dilakukan-Nya melalui doa anda.

Agar tujuan penebusan anda di Malaysia bagi masa seperti ini akan dipenuhi – lihatlah dan rasailah hal itu.

ISYIHHARKAN:

"Tetapi kerana apa yang sudah dilakukan Kristus bagiku, semua



yang dahulu aku anggap menguntungkan, kini merugikan. Aku menganggap semua itu sebagai sampah sahaja, supaya aku boleh mendapat Kristus dan bersatu dengan Dia. Hubungan baik dengan Allah tidak aku peroleh dengan jalan taat kepada Taurat, tetapi hubungan baik itu datang daripada Allah dan berdasarkan kepercayaan kepada Kristus." (Filipi 3 : 7-9)

ULAKUKAN:

Nyatakan kerendahan hati anda - hidangkan secawan minuman kepada seseorang yang tidak pernah menyangka akan mendapat layanan seperti itu daripada anda.

RENUNGAN:

Keluarga rumah

26 Ogos, Isnin

FIRMAN: 2 SAMUEL 6:12

Berkat Obed-Edom

TUHAN memberkati seisi keluarga Obed-Edom serta segala yang ada padanya kerana membenarkan Tabut Perjanjian Allah diletakkan di dalam rumahnya. Penebusan sebenar akan datang apabila hadirat Allah tinggal di dalam setiap jiwa.

DOAKAN:

Keluarga yang dilanda pemberontakan, tiada perhatian, dan tiada disiplin akan disentuh oleh kuasa Roh Allah yang memberikan perubahan.

Keluarga yang dihancurkan oleh penderaan, ketidaksetiaan, pengkhianatan dan perpisahan akan dipulihkan dan diberikan hidup yang baru.

Keluarga yang dilanda penyakit, umur lanjut, dan ketidakmampuan akan diberikan kekuatan baru setiap hari.

Mukjizat dan berkat akan berlaku di dalam keluarga kerana hadirat Tuhan di sana.

ISYIHKARAN:

“Kota dan ladangku diberkati. Aku akan diberkati dengan anak-anak,

13 Mereka sangat kejam, potonglah mereka seperti gandum pada musim menuai; Peraslah mereka seperti buah anggur di tempat memeras buah anggur sehingga wain melimpah.

14 Beribu-ribu orang berada di Lembah Penghakiman. Di sanalah Hari TUHAN akan segera datang.

YOEL 3.13-14



hasil tanamanku berlimpah-limpah, dan lembu serta dombaku banyak. Tuaian gandumku dan makanan yang aku buat daripadanya diberkati. Segala usahaku diberkati.” (Ulangan 28 : 3-6)

ULAKUKAN:

Buatlah temujanji untuk melawat atau mendoakan seorang rakan sekerja/jiran yang menghadapi masalah di rumah.

RENUNGAN

MINGGU 6: PENEBUSAN

Gereja

27 Ogos, Selasa

FIRMAN: WAHYU 19:7-8

Pengantin Perempuan yang Mulia di Tempat Niaga

“Marilah kita bersukacita dan bergembira! Marilah kita memuji keagungan-Nya, kerana masa perkahwinan Anak Domba sudah tiba dan pengantin perempuan-Nya sudah siap untuk perkahwinan itu. Pengantin perempuan itu telah diberikan pakaian linen yang bersih dan berkilauan untuk dikenakan.” (Pakaian linen itu perbuatan baik yang dilakukan oleh umat Allah.) Dimanakah dia didapati? Dia dijumpai melayani di kalangan orang lumpuh, yang dihina, sendirian, diketepikan, sakit dan terkotor di tempat niaga. Itulah perbuatan yang hendak dilihat oleh Tuhan supaya berlaku pada Jemaah-Nya di tempat niaga.

DOAKAN:

Gereja-gereja yang melayani akan bangkit dan bekerja di tengah-tengah mereka yang lapar, haus, berkekurangan, sakit, lemah, pesakit HIV, penagih dadah, pelacur dan banduan.

Pelayanan seperti itu berkembang di setiap pekan dan negeri di Malaysia.

Gereja atau organisasi Kristian bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk membawa perubahan yang berkesan untuk memulihkan

Ribuan Orang di

Lembah Penghakiman!

pemerintahan Tuhan di tempat niaga – misalnya, membina rumah bagi orang yang tiada tempat tinggal, hospital yang baik dan penyelidikan terhadap penyakit, mewujudkan pekerjaan bagi orang yang kurang upaya.

ISYIHARKAN:

“Ketahuilah, manakala kamu melakukan perkara itu untuk salah seorang daripada saudara-Ku, walaupun dia hina, kamu telah melakukannya untuk Ku!” (Matius 25:40)

ULAKUKAN:

Jadilah sukarelawan untuk membantu secara sambilan atau pada bila-bila ada masa orang yang lemah dalam masyarakat. Anda boleh membawa kesan yang baik.

Telefonlah atau berkawanlah dengan sesiapa pekerja sosial daripada Malaysian Care, Shelter, dsbnya.... Untuk mendengarkan dan mendoakan pekerjaan serta kegelisahan mereka.

RENUNGAN

Tempat niaga /media

28 Ogos, Rabu

FIRMAN: MATIUS 6:9-13

Kerajaan-Mu datanglah

Bidang ekonomi dan perniagaan sekarang dibina berdasarkan pinjaman dan hutang. Hanya Tuhan yang dapat memberikan pengampunan terhadap dosa-dosa di tempat niaga.

DOAKAN:

Agar perjanjian yang tidak ditunaikan dan penipuan dalam urusniaga dihancurkan.

Agar ada hati yang bersyukur di kalangan para pekerja di seluruh negara.

Bisnes dan perniagaan Kristian akan menyatakan serta mendahului dalam pengurusan niaga yang jujur dengan semua.

ISYIHKARAN:

“Andaikata ada seorang yang benar-benar baik, adil, dan jujur. Dia tidak meminta faedah apabila meminjamkan wang. Dia tidak



13 Mereka sangat kejam, potonglah mereka seperti gandum pada musim menuai; Peraslah mereka seperti buah anggur di tempat memeras buah anggur sehingga wain melimpah.

14 Beribu-ribu orang berada di Lembah Penghakiman. Di sanalah Hari TUHAN akan segera datang.

YOEL 3.13-14



mahu melakukan kejahanan dan dia memberikan keputusan yang adil dalam setiap pertengkar. Dia mematuhi perintah-Ku dan mentaati hukum-Ku. Orang seperti itu baik dan akan hidup. Demikianlah firman TUHAN Raja.” (Yehezkiel 18.5, 8-9)

ULAKUKAN:

Pada hari ini berusahalah untuk menyelesaikan hutang atau membantu seseorang untuk membayar hutangnya.

RENUNGAN

MINGGU 6: PENEBUSAN

29 Ogos, Khamis Pendidikan /kanak-kanak /belia

FIRMAN: BILANGAN 14:5-9

*Ribuan Orang di
Lembah Penghakiman!*

Generasi Yosua

“Aku sendiri akan mengajar pendudukmu, dan memberi mereka kemakmuran dan kedamaian.” (Yesaya 54:13)

Yosua dan Kaleb merupakan orang muda yang dipuji kerana mempunyai hati yang berbeza daripada orang lain. Mereka telah belajar di Hadirat Tuhan. Tiada seorang pun boleh berkata bahawa mereka hanya belalang.

DOAKAN:

Tempat asuhan anak-anak dan tadika agar dapat mengembangkan potensi setiap anak.

Sekolah awam dan swasta agar dapat memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengenal bakat mereka.

Kolej dan universiti dapat mengembangkan kecemerlangan dan kedewasaan.

Generasi muda ini akan bangkit dan memenuhi panggilan penebusan mereka dengan sepenuhnya.

Orang yang menjelang dewasa akan mengalami kesungguhan Kristus dan memiliki keinginan yang berkobar-kobar bagi penginjilan dan membantu memenuhi Amanah Agung.

ISYIHARKAN:

“Aku akan memberi banyak anak cucu kepadamu supaya keturunanmu menjadi banyak bangsa. Aku akan memberi negeri ini kepada keturunanmu sebagai milik mereka selama-lamanya.” (Kejadian 48:3-4)

ULAKUKAN:

Beri dorongan dan galakan kepada golongan muda-mudi dengan memberikan kad atau hadiah sebagai tanda bahawa kamu selalu berdoa untuk mereka – kerana mereka taat untuk hidup bagi Kristus.

PERINGATAN

Kiralah tabungan wang makan yang disimpan dan masukkan di dalam sampul surat.

Merancanglah untuk melaburkannya dalam Perhimpunan Doa di pekan anda atau memberikannya kepada gereja untuk dikirimkan kepada NECF ataupun mengirimkannya langsung kepada NECF Malaysia dengan label “Kempen Kebajikan Kebangsaan”

RENUNGAN

Kerajaan /bangsa

30 Ogos, Jumaat

FIRMAN: YESAYA 58

Terangi bangsa kita 2002

Pengakhiran doa puasa 40-hari kita seharusnya dilihat sebagai satu permulaan yang baru dan “cahaya kamu akan bersinar seperti fajar merekah, dan luka-luka kamu akan segera sembuh.” Semoga hal itu berlaku sesuai dengan firman-Mu, ya Tuhan.

DOAKAN:

Berdoa supaya ada kebangunan rohani yang sebenar untuk mencintai negara sebagai sambutan kepada seruan kerajaan bagi keamanan dan kerukunan di dalam negara.

Agar ada terang baru secara rohani bagi orang yang sudah ditebus tetapi masih jauh daripada Tuhan.

Kesatuan orang percaya akan membuka jalan untuk menyambut Raja Kemuliaan untuk datang ke pekan-pekan dan negeri-negeri kita.

ISYIHKARAN:

Mazmur 107:2-9

Ulangilah kata-kata itu untuk memuji TUHAN, Hai kamu semua yang sudah diselamatkan-Nya. Dia telah menyelamatkan kamu daripada musuh, Dan membawa kamu kembali dari negeri-negeri asing.

13 Mereka sangat kejam, potonglah mereka seperti gandum pada musim menuai; Peraslah mereka seperti buah anggur di tempat memeras buah anggur sehingga wain melimpah.

14 Beribu-ribu orang berada di Lembah Penghakiman. Di sanalah Hari TUHAN akan segera datang.

YOEL 3.13-14

Dari timur dan barat, dari utara dan selatan. Kemudian dalam kesusahan, mereka berseru kepada TUHAN, Dan Dia menyelamatkan mereka daripada kecemasan. Dia memimpin mereka melalui jalan yang lurus, Ke kota yang dapat didiami mereka.

Mereka mesti bersyukur kepada TUHAN untuk kasih-Nya yang kekal, Untuk perbuatan menakjubkan yang dilakukan-Nya bagi mereka. Dia memuaskan orang yang dahaga, Dan mengenyangkan orang lapar dengan segala yang baik.

ULAKUKAN:

Bawalah keluarga atau rakan-rakan anda untuk menyertai “Perhimpunan Doa Sempena Hari Kemerdekaan” di bandar tempat anda tinggal.

Marilah kita melaburkan tabungan wang makan kita bagi Kempen Kebajikan Kebangsaan.

Marilah kita merayakan Hari Merdeka dengan gembira bersama-sama semua rakyat Malaysia di seluruh negara.

RENUNGAN

MINGGU 6: PENEBUSAN

31 Ogos, Sabtu Masyarakat kaum

FIRMAN: MARKUS 6:30-44

HARI KEBANGSAAN

- Hari Masyarakat

Sama seperti anda telah melabur melalui doa syafaat, puasa dan kewangan sepanjang tempoh 40 hari ini, maka hari ini merupakan hari untuk memberikan fokus dan melakukan tindakan - bagi jiwa-jiwa di luar sana. Sertailah gereja anda atau gereja-gereja lain dalam masyarakat anda untuk melakukan kebajikan agar Bapa kita di syurga dimuliakan.

DOAKAN:

Mohon supaya Roh Allah hadir dalam setiap bahagian kegiatan ini agar memberikan kesan kepada semua orang yang hadir.

Setiap projek masyarakat mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

Jambatan penghubung yang berkekalan dapat dibina antara gereja dan masyarakat.

Cuaca yang baik dan selesa.

*Ribuan Orang di
Lembah Penghakiman!*

-
- 13 *Mereka sangat kejam, potonglah mereka seperti gandum pada musim menuai; Peraslah mereka seperti buah anggur di tempat memeras buah anggur sehingga wain melimpah.*
- 14 *Beribu-ribu orang berada di Lembah Penghakiman. Di sanalah Hari TUHAN akan segera datang.*
-

YOEL 3.13-14

ISYIHARKAN:

"Setelah itu Yesus mengambil lima ketul roti dan dua ekor ikan itu. Dia menengadah ke langit dan mengucap syukur kepada Allah. Kemudian Dia membahagikan roti itu lalu menyerahkannya kepada pengikut-pengikut-Nya supaya diberikan kepada orang ramai itu. Dia juga membahagi-bahagikan dua ekor ikan itu kepada mereka semua. Tiap-tiap orang makan sehingga kenyang." (Markus 6:41-42)

ULAKUKAN:

Jadilah sebahagian daripada projek penjangkauan jiwa-jiwa masyarakat di tempat tinggal anda. Jika anda memerlukan keterangan lanjut, sila berhubung dengan pastor gereja anda atau penyelaras doa setempat yang disenaraikan

RENUNGAN

Menyinari Negara Kita

I kutilah Perayaan Doa Kebangsaan

SEKALI lagi, kita menyerahkan malam

Ogos 30 secara khusus untuk mendoakan negara sempena perayaan Hari Merdeka. Orang Kristian di seluruh negara, di 14 buah negeri, akan bergabung dalam satu perhimpunan doa yang sangat penting dalam tahun ini – Perhimpunan Doa Merdeka.

Pada tahun ini, orang Kristian di Lembah Klang akan berkumpul di Wisma MCA, Kuala Lumpur, dalam malam doa dan perayaan. (Untuk tempat pertemuan di negeri-negeri lain, sila lihat keterangan di bawah bagi nama-nama orang yang boleh dihubungi dan nombor telefon mereka.)

Datanglah bersama-sama kami semasa kami berseru kepada Tuhan memohon belas kasihan dan rahmat-Nya untuk dicurahkan ke atas negara ini.

40-HARI “BEBAS MENANG” DOA DAN PUASA

TUHAN adalah kekuatan dan perlindungan kita (Yer. 16:19).

Hanya di dalam Dia negara kita dan negara-negara lain di sekeliling akan selamat. Marilah kita menggunakan 40 hari ini untuk membuang semua keselamatan yang lain, ketagihan, dan ‘belenggu’ yang telah menghalang hati kita untuk bergantung penuh kepada-Nya. Bertaubatlah daripada perzinaan rohani dan marilah datang kepada Tuhan dalam doa untuk memohon belas kasihan bagi negara kita.

Mohon Tuhan menyelidiki hati kita untuk mengenalpasti ‘penghalang’ yang telah mengambil terlalu banyak masa kita sehingga masa kita untuk Tuhan hanya tinggal sedikit.

Adakah anda rela meninggalkan semua itu selama 40 hari ini? Marilah juga menghancurkan penghalang-penghalang yang menyekat negara kita daripada melihat terang Yesus.

Ingartlah – doa seorang anak yang berserah kepada Tuhan mempunyai kesan yang besar.

Hari Sebelum Merdeka

Perhubungan bagi Perhimpunan Doa

Tempat	Orang yg Dihubungi	No. Tel.
Alor Setar	Pr Leonard	04-733 1712
Penang	Pr Andrew	04-642 5709
	Pr Soon Hock	04-228 7110
Ipooh	Pr Clement	05-313 4511
Johore	Pr John	07-241 1645
K. Terengganu	Pr Koshy	09-617 0830
Kangar	Pr Heng	04-976 7853
Kluang	Pr Sunther	019-726 7634
Kota Bahru	Pr Rodney	09-748 2596
Kota Kinabalu	Pr Chin	088-422 938
	Dr Philip Lyn	088-238 668
Kuantan	Pr Richard	09-555 2127
Kajang	Pr Chan	03-8736 1890
Klang	Pr Jerry	03-3344 4925
Kuching	Pr Peter	010-877 0012
Muar	Bro Daniel Tay	06-951 9520
Malacca	Pr James	06-231 0371
	Pr Jerry	06-283 7913
Seberang Prai	Pr Raj	04-582 0136
Seremban	Pr Voon	06-765 3777
Sitiawan	Pr Ling	012-528 4281
Taiping	Pr Bernard	05-808 0751
Tawau	Pr Teh / Eric	089-776 589
Rawang	Pr Sim	03-609 1800



ANDA BOLEH MENGGALAKKAN ORANG LAIN DENGAN MENGEMBALIKAN BORANG INI.

Terima kasih kerana mengambil bahagian dalam Terangilah Bangsa 2002. Kami amat menghargai maklum balas daripada saudara selaku rakan doa dalam kempen berdoa untuk negara kita. Sila berikan maklumat tepat yang terperinci dalam kesaksian anda supaya orang lain akan diberkati.

Adakah anda mahu ditambahkan kepada senarai surat-menyurat?

YA TIDAK

Nama penuh: _____

Alamat: _____

Poskod: _____

Tel/Faks: _____

E-mel: _____

Nama gereja atau kelompok doa:

Nama peserta kumpulan anda (jika berkenaan):

Adakah apa-apa kesaksian yang menggalakkan yang saudara dengar atau alami dalam 40 hari ini?

Doa terjawab semasa atau selepas 40 hari tersebut:

Adakah anda perlukan maklumat atau bantuan dalam hal:

- | | |
|--|-----------------------------|
| • Mendorong gereja
anda untuk berdoa | YA
<input type="radio"/> |
| • Latihan dan seminar
mengenai doa | o
<input type="radio"/> |
| • Perisai Doa Untuk Pastor | o
<input type="radio"/> |
| • Memulakan dan
mengekalkan kelompok doa,
misalnya di tempat kerja | o
<input type="radio"/> |

Adakah saudara ingin mengambil bahagian dalam rangkaian doa di kota/negeri anda atau ingin memulakan satu?

YA TIDAK

Sila kembalikan kepada:
The Prayer Commission of National
Evangelical Christian Fellowship
(NECF) Malaysia
E-mel: prayer@necf.org.my
atau faks: 03-77291139



